

10 OCT 1996

KEPUTUSAN PEMILIHAN SEAWAL-AWAL 6 PETANG

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Keputusan pemilihan anggota Majlis Tertinggi Umno dijangka diketahui seawal-awalnya 6 petang ini, kata Pengerusi Tetap parti Tan Sri Sulaiman Ninam Shah.

Sehingga pukul 5 petang ini, anggota-anggota perwakilan masih membahas usul mengucap terima kasih terhadap ucapan dasar presiden.

Pemilihan bermula 12.15 tengah hari ini tadi selepas perhimpunan ditangguhkan sebaik ia dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mendahului senarai 1,871 anggota perwakilan mengundi di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, diikuti Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, 42 anggota Majlis Tertinggi yang lain, anggota perwakilan bahagian dan masing-masing 30 perwakilan Pergerakan Pemuda serta Wanita.

Pengundian selesai pada 2.30 petang tadi. Seramai 300 pekerja membantu mengendalikan proses pengundian dan urusan pengiraan.

Tujuh orang bertanding merebut tiga jawatan Naib Presiden dan 55 calon bagi 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi, dua calon jawatan Pengerusi Tetap dan tiga sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan pada perhimpunan kali ini.-- BERNAMA

JM RAZ RON